

PM kecewa gaji ditawarkan majikan tak setimpal

Kerja kosong untuk anak tempatan dibayar bawah RM2,000

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim dan Irwan Shafrizan Ismail
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob melahirkan rasa kecewa melihat gaji ditawarkan majikan negara ini tidak setimpal dengan kelayakan serta kerja yang dilakukan rakyat tempatan.

Perdana Menteri berkata, ini kerana berdasarkan statistik MYFutureJobs, lingkungan gaji bagi kekosongan jawatan yang paling banyak ditawarkan di seluruh negara adalah antara RM1,200 hingga RM2,000 sebulan.

"Kerajaan kini giat membangunkan 'talent pool' yang berkemahiran, produktif dan berpotensi tinggi, namun saya sedikit kecewa kerana gaji ditawarkan majikan tidak setimpal dan berpadanan dengan kelayakan dan ker-

ja dilakukan oleh anak-anak tempatan.

"Sehubungan itu, saya meminta supaya pihak majikan mengambil serius mengenai perkara ini kerana pekerja merupakan tulang utama dalam mana-mana organisasi, di mana mereka boleh 'make or break' sesuatu perniagaan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Perasmian Ekspo Kerjaya Jamin Kerja Keluarga Malaysia 2022 di Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur (WTCKL), di sini semalam.

Yang turut hadir, Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri M Saravanan dan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Dr Noraini Ahmad.

Ismail Sabri turut mengingatkan majikan, bahawa mulai 1 Mei lalu, gaji minimum seseorang pekerja ialah RM1,500 sebulan, bagi kesejahteraan hidup Keluarga Malaysia.

Justeru, katanya bagi menangani ketidakpadanan itu, Kementerian Sumber Manusia digesa berunding dengan pihak majikan dan wakil pekerja bagi mengenal pasti pendekatan dan solusi terbaik kepada masalah berkenaan.

"Malah, platform 'tripartite'



Perdana Menteri beramah mesra bersama orang ramai yang hadir pada Ekspo Kerjaya Jamin Kerja Keluarga Malaysia 2022 di Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur, semalam. (Foto Asyraf Hamzah/BH)

Majlis Penasihat Buruh Kebangsaan juga boleh dimanfaatkan untuk melaksanakan konsultasi tiga penjurong bagi mencapai kata sepakat demi kesejahteraan semua Keluarga Malaysia," katanya.

Bangun Profiling Kebangsaan

Selain itu, Perdana Menteri berkata, dalam usaha merapatkan jurang penawaran dengan permintaan pekerjaan oleh majikan dan pekerja, sebuah Profiling Kebangsaan perlu dibangunkan dengan mempergiat usaha pelaksanaan program seru temu (*outreach*) pemprofilan pencari kerja di seluruh negara.

"Saya ingin menyeru kepada seluruh Keluarga Malaysia untuk merebut segala inisiatif dan insentif yang ditawarkan bukan sahaja untuk menambah baik kehidupan tetapi juga berganding bahu memulih dan memperkukuhkan semula ekonomi negara," katanya.

Menyentuh program Jamin Kerja-Insentif Penggajian (JKIP), beliau berkata, kerajaan dapat memangkinkan pencipta-

an peluang pekerjaan dan pengambilan pekerja sepanjang tahun ini.

Jelasnya, sehingga 18 Julai lalu, program JKIP dan perkhidmatan pekerjaan MYFutureJobs membantu menyediakan jaminan pekerjaan kepada kira-kira 113,672 ahli Keluarga Malaysia.

"Namun, disebabkan suasana dunia yang tidak menentu seperti yang saya katakan tadi, kerajaan melanjutkan tempoh program JKIP yang berakhir pada 30 Jun lalu, kepada 31 Disember ini.

"Lanjutan program JKIP ini akan menumpukan kepada pengambilan pekerja dalam kategori mudah terjejas seperti golongan orang kurang upaya (OKU), wanita, individu yang hilang pekerjaan, pekerja dalam sektor pelancongan dan bekas banduan," katanya.

Perdana Menteri berkata, selain golongan belia, kerajaan mengambil berat terhadap kesejahteraan dan kualiti hidup golongan OKU melalui Pelan Tindakan OKU 2016-2022 yang memberi penekanan terhadap aspek pe-

nyediaan peluang pekerjaan lebih baik.

"Sehingga kini, seramai 36,281 orang OKU berjaya mendapat penempatan pekerjaan menerusi program dan inisiatif yang dilaksanakan oleh PERKESO.

"Saya juga berharap program pemerkasaan ekonomi bertujuan menarik penyertaan golongan OKU dalam dunia keusahawanan wajar dipergiatkan, seiring Aspirasi Keluarga Malaysia," katanya.

Mengenai ekspo kerjaya yang sedang berlangsung selama lima hari sehingga Rabu ini, Ismail Sabri berkata, ekspo itu memberi solusi kerjaya yang lengkap kepada rakyat Malaysia dengan gabungan lima elemen utama iaitu majikan, pekerja, ekonomi gig, keusahawanan dan perusahaan sosial.

"Bagi menyempit tempas cabaran yang dihadapi Keluarga Malaysia, kerajaan mengambil pelbagai inisiatif termasuk menganjurkan ekspo kerjaya ini yang seharusnya dimanfaatkan oleh pencari kerja dan para majikan," katanya.